

**Polis Tahan Suspek Kes Pecah Rumah Ibu Anggota Parlimen Balik Pulau
Bernama
1 Ogos, 2012**

GEORGE TOWN, 1 Ogos (Bernama) -- Polis menahan seorang lelaki dipercayai terbabit dalam kes pecah rumah ibu anggota Parlimen Balik Pulau, Yusmadi Yusoff di Jalan Baru, Balik Pulau pada 11 Julai lepas.

Ketua Polis Daerah Barat Daya, Supt Hatta Md Zin berkata lelaki berusia 28 tahun yang bekerja sebagai mekanik itu ditahan ketika dia sedang tidur dalam buaian di bawah pokok berdekatan kediamannya, tengah hari semalam.

"Lelaki terbabit gagal melarikan diri kerana kawasan rumahnya yang terletak di Jalan Baru telah dikepung," katanya kepada pemberita di sini Rabu.

Beliau berkata polis menemui barang bukti di rumah suspek antaranya seutas rantai emas dan wang tunai RM950, dua telefon bimbit dan sembilan biji pil eramin.

Dalam kejadian pukul 4 pagi itu, mangsa, Fatimah Ahmad, 73, kerugian lebih RM30,000 apabila suspek melarikan barangan kemas dan wang tunai miliknya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=684749>

